

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 19 Mei 2016 10:38
To: UUM - All Staff
Subject: IPQ GERAKAN FASA II BEST MANAGEMENT PRACTICES (BMP)-MS ISO 9001:2008
Importance: High



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



19 MEI 2016/ 12 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IPQ GERAKAN FASA II *BEST MANAGEMENT PRACTICES* (BMP)-MS ISO 9001:2008



IPQ ONLINE : 18 Mei 2016 (Rabu), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah mengadakan Mesyuarat dan Penyerahan Surat Lantikan sebagai Juruaudit Projek Khas *Best Management Practices (BMP)* – MS ISO 9001:2008. Seramai 16 orang juruaudit yang telah dilantik dalam mesyuarat ini.

Pengarah IPQ dalam kata aluannya, menyatakan bahawa UUM hari ini telah mencapai kejayaan. Bagi meneruskan kecemerlangan UUM, usaha-usaha seperti projek BMP-ISO ini amat penting untuk dilaksanakan. Sekaligus, projek ini bukan sahaja menjadikan proses kerja menjadi lebih baik, malah membantu Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam menentukan proses dan arahan kerja yang lebih berkesan dan efektif.

Secara terperinci, Fasa II projek khas ini akan bermula pada Ogos hingga September 2016 yang melibatkan 240 dokumen proses dan arahan kerja seluruh PTJ UUM. Sebelum ini, Fasa I telah pun berjaya dilaksanakan. Semua prosedur kualiti (QP) dan arahan kerja (AK) bagi Fasa II yang terlibat dengan cadangan perubahan dari juruaudit BMP-ISO akan diberitahu secara formal kepada ketua PTJ terlibat bagi tindakan selanjutnya.

Pihak IPQ mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua juruaudit BMP-ISO dan ketua PTJ yang membenarkan warganya terlibat dalam menjayakan agenda universiti ini amat dihargai.

Akhir kata, IPQ berharap agar semua juruaudit akan terus komited dalam melaksanakan tugas sebagai juruaudit BMP-ISO universiti. Semoga kejayaan yang lebih besar akan diperolehi di dalam pelaksanaan BMP-ISO Fasa II nanti.



=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

**TEL. : 04 - 928 4679/4675
FAKS :04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my
<http://ipq.uum.edu.my>**